

Penguasaan bahasa Inggeris tingkat status lulusan IPT

Awal bulan lalu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan setiap pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) wajib lulus kursus Bahasa Inggeris sebelum menamatkan pengajian demi melahirkan graduan yang lebih profesional, berdaya saing dan bertaraf antarabangsa.

Ini harus dipandang positif semua pihak terutama pelajar IPTA kerana penguasaan bahasa asing memberi pelbagai faedah serta manfaat yang berpanjangan kepada mereka. Bahasa Inggeris adalah bahasa keempat (atau kemungkinan, bahasa ketiga) yang paling banyak dituturi di seluruh dunia selepas bahasa Cina, Hindi dan Sepanyol, dengan lebih 380 juta penutur di seluruh dunia. Ia mempunyai status 'lingua franca'.

Bahasa Inggeris juga sekarang adalah paling banyak digunakan dan bahasa kedua yang paling banyak dipelajari di serata dunia. Kebanyakan pelajar di seluruh dunia digalakkan mempelajari bahasa Inggeris, dan pengetahuan kerja dalam bahasa Inggeris juga adalah digalakkan dalam banyak bidang dan pekerjaan pada masa kini.

Lemah kuasai bahasa Inggeris

Masalah lemah menguasai bahasa Inggeris terutama pelajar Melayu dilihat semakin serius dalam kalangan pelajar tidak kira di sekolah rendah, menengah atau di institusi pengajian tinggi, berpunca daripada sikap dan pemikiran pelajar itu sendiri yang jarang mempraktikkan bahasa Inggeris.



Sudut pidato di universiti boleh jadi medan bantu pelajar tingkat penguasaan bahasa Inggeris. (GAMBAR HIASAN)

Kebanyakan pelajar juga terlalu kurang membaca bahan yang ditulis di dalam bahasa Inggeris serta tidak mahu mengambil tahu isu semasa yang disampaikan melalui media yang menggunakan bahasa terbabit.

Mereka juga tidak berminat membaca surat khabar serta bahan dalam bahasa Inggeris, selain terlalu selesa dan memfokuskan minat kepada bacaan yang berbentuk hiburan saja, selain memandangnya sebagai subjek yang mesti diambil untuk memenuhi syarat untuk bergraduasi.

Kebanyakan mereka yang lemah dalam bahasa Inggeris ini belajar bahasa terbabit semata-mata untuk lulus dalam sesuatu peperiksaan yang ditetapkan. Ada juga segelintir pelajar menganggap bahasa Inggeris mata pelajaran yang membosankan serta membebankan.

Oleh yang demikian, adalah mustahil bagi mereka untuk meminati dan menjiwainya menyebabkan pelajar tidak mahu melatih diri bertutur dalam bahasa Inggeris. Kebanyakan

pelajar tidak mahu mencuba, takut dan berasa malu jika didapati melakukan kesalahan ketika menggunakan bahasa terbabit. Ada juga risau mereka akan diejek dan dipulaukan kerana menggunakan bahasa itu.

Cara penyelesaian

Antara cara penyelesaian ialah dengan menggalakkan kesedaran pelajar itu sendiri yang sepatutnya berusaha dengan lebih dalam memperbaiki diri untuk menguasai bahasa antarabangsa dengan bimbingan daripada pensyarah berke Layakan.

Selain itu, pihak pentadbiran universiti juga digalakkan menyediakan lebih banyak tempat khusus untuk pelajar mempelajari serta memahami bahasa Inggeris dengan lebih selesa seperti bilik khas yang dipenuhi bahan bacaan bahasa Inggeris serta kelengkapan peralatan proses pembelajaran bahasa itu melalui penggunaan teknologi terkini.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**.

Pentadbiran universiti hendaklah juga menggalakkan pelajar menubuhkan kelab ataupun persatuan bahasa Inggeris. Rasa malu dan takut pelajar terhadap penggunaan bahasa juga dapat dikurangkan melalui pindaan yang dilakukan pada tahun 2010 terhadap Akta dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) yang membenarkan pelajar menyertai pidato menggunakan bahasa itu di sudut pidato (speaker corner) yang telah ditetapkan.

Jadi, bahasa Inggeris mempunyai kepentingan besar dalam hidup kita terutama pelajar. Bahasa Inggeris adalah bahasa global, bahasa kemajuan dan bahasa komunikasi utama selain bahasa Melayu. Penguasaan dalam bahasa Inggeris serta bahasa lain yang sudah mula mendapat tempat di peringkat antarabangsa seperti bahasa Mandarin dan Arab juga adalah amat penting untuk melayakkan diri pelajar untuk berada setaraf dengan era globalisasi sekarang dan akan datang.

Seharusnya pelajar perlu ada kesedaran terhadap kepentingan menguasai bahasa itu. Penguasaan bahasa Inggeris bukan bermakna mereka mendaulatkan 'bahasa penjajah' tetapi untuk membawa mereka setaraf dengan kemajuan dunia hari ini serta memudahkan mereka bergaul dengan masyarakat antarabangsa.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah & Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia